# MLCC tawar kursus bahasa Mandarin untuk staf








Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengorak langkah memperkenalkan kursus Bahasa Mandarin di kalangan staf dalam usaha untuk meningkatkan kredibiliti dan kebolehan dalam menguasai bahasa ketiga ini.

Menurut Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abdul Jalil Borham, kursus ini bertujuan untuk menambahkan kemahiran komunikasi dan menguasai pelbagai bahasa kepada staf UMP.

"MLCC yang ditubuhkan pada Januari lalu merupakan inovasi UMP yang dijangka dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di Wilayah Pantai Timur melalui jaringan kerjasama dengan universiti di China.

"Kini MLCC menawarkan tiga program iaitu program kemahiran asas bahasa Mandarin, kursus jangka pendek dan program perniagaan dan terjemahan.

"Universiti Hebei akan menghantar tiga guru bahasa Mandarin untuk bersama-sama menjayakan program ini," tambah beliau lagi ketika berucap semasa merasmikan Kursus Bahasa Mandarin dan Majlis Penyerahan Penajaan Akhbar Sin Chew Daily di Dewan Seminar baru-baru ini.

Beliau juga amat gembira dengan komitmen pihak akhbar Sin Chew Daily yang turut menyokong usaha MLCC dengan menaja akhbar Sin Chew Daily atau Sin Chew Jit Poh sebagai bahan rujukan warga universiti sehingga penghujung tahun ini.

Manakala menurut penyelaras program MLCC, Chong Ah Kow, kursus jangka pendek yang ditawarkan ini akan diadakan setiap hari Rabu mulai jam 10 pagi hingga 1 petang di Makmal Multimedia Bahasa, PBMSK.

"Pada peringkat asas ini, 15 peserta sudah mengesahkan pendaftaran dan mereka akan mempelajari perbendaharaan kata dan kemahiran berbahasa yang mudah untuk digunakan dalam komunikasi kehidupan seharian," jelas beliau.

Majlis turut menyaksikan acara penyerahan akhbar Sin Chew Daily yang disampaikan Naib Presiden Persekutuan Alat tulis dan Penjual Buku, Albert Tey Tong Sing kepada Profesor Dr. Abdul Jalil Borham.

Hadir sama Pengurus Bahagian Pantai Timur, Sin Chew Daily, Tan Kee Seng, Perancang program pendidikan Akhbar Sin Chew Daily, Bahagian Pantai Timur, Tan Kian Seng, Bendahari, Zainudin Othman, Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee dan Timbalan Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Mohd Nubli Abdul Wahab.

> ***"Kini MLCC menawarkan tiga program iaitu program kemahiran asas bahasa Mandarin, kursus jangka pendek dan program perniagaan dan terjemahan".***
>
> *- Profesor Dr. Abdul Jalil Borham*